

PERKAHWINAN DI DALAM ISLAM

Perkahwinan merupakan satu komitmen yang serius di antara lelaki dan perempuan untuk hidup bersama sepanjang hayat . Tujuan berumah tangga ialah untuk mencari ketenangan dan kedamaian di dalam hidup . Memandangkan perkahwinan dan perbentukan keluarga ini sangat penting maka perkahwinan tidak boleh dianggap sebagai suatu perkara yang mudah dan ringan kerana kewajipan yang dipertanggungjawabkan adalah sangat besar . Oleh itu setiap pasangan yang hendak berkahwin terutama yang masih muda hendaklah disedarkan apakah dia sudah layak untuk berumah tangga atau mampu untuk berkahwin ? Sudahkah bersedia dengan ilmu pengetahuan ? Sekurang-kurangnya sekadar yang patut diketahui oleh bakal seorang suami atau isteri, kewajipan menjadi seorang suami contohnya , hukum-hakam yang berkaitan dengan soal suami isteri dan tatasusila hidup berkeluarga . Kedamaian hidup berumah tangga mestilah diatur sejak di awal perkenalan iaitu mesti diselidiki latar belakang pasangan diperingkat pemilihan pasangan lagi. Sekiranya pihak lelaki atau wanita mengikut kriteria yang dianjurkan oleh Islam , insyaAllah akan ada kerukunan dalam perkahwinan . Selain itu pasangan yang ingin berkahwin juga hendaklah memahami dengan sebenarnya apakah tujuan di sebalik sesuatu perkahwinan tersebut. Andainya perkahwinan itu sekadar memenuhi tuntutan nafsu dan melayang kehendak tanpa memikirkan tujuan yang sebenarnya , maka perkahwinan tersebut akan lebih terdedah kepada kehancuran , Jesteru, bagi menjamin keharmonian , sesebuah keluarga Islam mestilah mempunyai kekuatan iman dan taqwa , pengetahuan dan tatacara hidup serta akhlak yang mulia .